

HAMDOLOK

PENGENALAN

Salah satu daripada kesenian Melayu yang masih kurang dikenali ramai terdapat di negara ini ialah 'masadeka' atau lebih dikenali dengan nama 'hamdolok'. Tarian rakyat yang tidak kurang mempunyai nilai-nilai kesenian ini adalah gabungan ciri-ciri kesenian Timur Tengah dengan alam kehidupan orang-orang Melayu setempat. Oleh itu seimbias pandangan pakaian serta corak persembahan adalah berasaskan kepada budaya orang-orang Arab (Timur Tengah).

Oleh kerana tarian ini dikenali oleh golongan masyarakat, pada keseluruhannya watak-watak yang mendukung tarian hamdolok ini adalah terdiri daripada watak-watak tempatan khususnya dari sebuah daerah di Batu Pahat, Johor.

Pendedahan kumpulan Tarian ini terbatas kepada media tertentu sahaja, seperti majlis-majlis keramaian/pesta, pertunjukan seni dan di rumah-rumah kenduri-kendara.

Hamdolok apabila dipersembahkan mengandungi unsur-unsur seni nyanyian, tarian serta permainan muzik. Setiap ahli kumpulan yaag terdiri antara lima

belas hingga dua puluh orang, memainkan peranan masing-masing mengikut jenis watak, pakaian serta alat muzik yang mereka mainkan.

Di majlis-majlis tersebut tarian ini berfungsi sebagai hiburan bagi memeriahkan lagi suasana di samping terus memperkenalkan dan mempertahankan keseniannya supaya ia tidak luput dari pengenalan masyarakat.

ASAL USUL

Hamdolok diasaskan penubuhannya di bawah ilham seorang pemuzik Melayu Asli iaitu Encik Rahmat atau lebih dikenali di daerahnya sebagai 'Rahmat Wayang'. Beliau dilahirkan di Singapura, kemudian berhijrah dan menetap terus di Parit Besar, Bagan, Batu Pahat, Johor.

Wak Rahmat (Encik Rahmat) mendapat ilham untuk mencipta tarian hamdolok ini berasaskan kepada cerita yang pernah diceritakan oleh Haji Osman Jahit. Haji Osman yang berasal dari Singapura telah pergi menuntut ilmu ke Mekah, tetapi niatnya terpaksa dibatalkan kerana beliau kekurangan belanja. Kemudiannya ia terus menetap di sana membuat pekerjaan sendiri, iaitu menjadi seorang tukang jahit.

Semasa Haji Osman tinggal di sana beliau telah melihat bagaimana adat orang-orang Badwi menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad (s.a.w). Setelah sekian lama tinggal di Mekah, Haji Osman balik ke Singapura, kemudian ia berpindah ke Batu Pahat, Johor. Di sinilah ia sering bertemu dan menceritakan kepada Encik Rahmat tentang bagaimana adat orang-orang Badwi itu.

Kononnya orang-orang Badwi apabila menyambut hari yang berkenaan, mereka akan keluar berkumpul beramai-ramai. Kemudian berarak sambil membawa tongkat. Dalam masa berjalan itu mereka akan menyanyi, menari sambil melonjak-lonjak. Tongkat yang mereka bawa itu dipukulkan kepada apa sahaja yang mereka temui seperti batu-batu, tiang, kayu, bangunan, dinding atau apa sahaja yang boleh menghasilkan bunyi. Orang-orang Badwi ini juga sambil memainkan alat muzik seperti gendang, menyanyi dalam bentuk syair dialek mereka sendiri yang sukar difahami.

Dalam setiap rangkap syair, mereka memulakan menyebut perkataan 'masadeka'. 'Ma' dan 'Sadeke' adalah dua perkataan yang berasingan yang mana 'Ma' bererti 'siapa' dan 'Sadeke' bererti 'benar', Apabila dua perkataan itu dihubungkan ia membawa fahaman atau pengertian, 'siapa yang benar', 'barang yang benar' atau 'mana yang benar'.

Perkataan 'hamdolok' ini tentunya menjadi satu tanda tanya dari manakah asalnya. Perkataan ini asalnya dalam bahasa Arab yang diucapkan oleh orang-orang Badwi. Perkataan ini disebutkan berkali-kali di dalam persembahan 'korus' yang dinyanyikan beramai-ramai. Perkataan ini apabila dinyanyikan beramai-ramai berbunyi 'hamdolok, holok, holok'. Ianya adalah dari perkataan 'Alhamdulillah, Allah Allah'.

Setelah mendengar cerita-cerita tersebut Wak Rahmat telah mengubahsuaikan tarian yang dilakukan oleh orang-orang Badwi itu ke dalam seni muzik Melayu. Wak Rahmat sememangnya menceburkan diri dengan aktif di dalam seni (zapin) dan lakonan (bangsawan). Beliau telah menerapkan rentak lagu itu ke dalam rentak zapin, melakukan sedikit penambahan tarian dalam persembahan untuk menjadikan ianya lebih rancak lagi. Dengan itu hamdolok mendapat sambutan yang baik dari kalangan masyarakatnya.

Hamdolok yang pada awal penubuhannya hanya dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan, berselang seli dengan tarian zapin. Pada kebiasaannya hamdolok masa itu dipersembahkan di dalam rumah atau balai-balai yang didirikan khas pada waktu malam.

Persembahan hamdolok pada waktu itu adalah lebih mirip kepada tarian zapin dan inang. Kemudian hamdolok mendapat perubahan demi perubahan hingga ke hari ini.

Di waktu ini jika kumpulan ini membuat persembahan di rumah orang kenduri kahwin, mereka diberi peranan sebagai kumpulan yang mengarak pengantin bersama-sama dengan kumpulan memukul kompang. Setelah sampai ke tempat yang ditujui, mereka akan meneruskan persembahan yang ditambah lagi dengan corak yang lain pula. Antara unsur-unsur baru yang dimaksudkan ialah :

- Menggunakan pandu selaku ketua persembahan iaitu untuk memberi arahan.

- Pandu yang menggunakan pedang (tongkat).
- Tarian bergerak mengikut barisan tertentu dalam beberapa corak persembahan.
- Memakai pakaian seragam bagi sesuatu jenis watak.
- Menggunakan isyarat tertentu.

LATAR BELAKANG SIFAT DIRI AHLI KUMPULAN

Kumpulan hamdolok ini diketuai oleh seorang yang diberi kepercayaan untuk memimpin. Beliau adalah di antara orang yang disegani oleh ahli kumpulan dan masyarakat di tempatnya. Ia harus dapat mengawal diri serta ahli kumpulannya. Sebagai seorang ketua ia harus mempunyai kecekapan mengendalikan dan melaksanakan semua rancangan kumpulan ini. Dengan itu mesti mempunyai pengetahuan yang cukup tentang selok-belok persembahan dan ahli-ahli kumpulannya sendiri.

Dalam persembahan pula ianya diketuai oleh seorang pandu yang memberikan arahan dari masa ke semasa dengan menggunakan pedangnya. Ia adalah orang yang harus tahu tentang muzik dan persembahan hamdolok ini. Ianya juga adalah orang yang dapat mengawal permainan supaya dapat memberi kesan.

Selain daripada itu pemegang watak lain adalah orang yang mengetahui peranan mereka sebagai penari, pemain muzik, pelawak dan sebagainya. Pada keseluruhannya pemain-pemain haruslah mempunyai daya ingatan yang baik. Mereka adalah tertakluk kepada arahan ketua (pandu), dengan pantas dan spontan dapat menukar rentak lagu dan juga tarian seperti diarahkan. Antara lain, sifat diri yang mesti ada, mereka haruslah berani berhadapan di khalayak ramai dengan pakaian yang dikhaskan dan terutama sekali dengan keadaan muka yang diwarnakan dengan warna gelap serta diconteng-conteng.

PAKAIAN DAN PERANAN

Pakaian adalah sesuatu yang harus diambil berat dalam setengah-setengah persembahan kesenian. Pakaian memainkan peranan yang penting bagi membezakan watak dan peranan yang akan dibawa oleh pemain-pemain hamdolok. Ini bermakna seliap jenis pakaian mempunyai peranan wataknya

yang tersendiri. Antara pakaian dan watak utama yang dapat dikategorikan di dalam persembahan ini ialah :

PANDU (KETUA PERSEMBAHAN)

a) Pakaian

Secara am bolehlah dianggap bahawa seorang pandu memakai pakaian ala 'Jeneral'. Ia memakai baju putih berlengan panjang dan dipasangkan dengan 'coat' berwarna hitam. Seluar panjang dan kasut kulit yang dipakai juga berwarna hitam.

Antara kelengkapan lain yang dipakainya ialah tarbus dan juga pedang. Tarbus pandu ini berwarna merah berhiaskan rambu benang di atasnya. Di bahagian depannya disematkan lambang sebiji bintang warna putih dengan lima pecahan, melambangkan lima rukun Islam yang menjadi pegangan umat Islam.

Pedang yang diikatkan dengan kain kuning di pinggang pandu ini adalah diperbuat daripada kayu, asalnya dulu adalah besi. Di hujung hulu pedang ini ditaruh rambu yang berwarna hitam dan kuning. Antara perhiasan yang terdapat pada pakaian pandu ialah seutas ramai besi panjang yang disangkutkan di bahu sebelah kiri. Kemudian dibelitkan di tengkok dan disangkutkan di bahu sebelah kanan. Terdapat juga tiga buah paku yang dihias tersemat di kiri kanan bahu pandu ini.



Pandu berpakaian seragam

b) Peranan

Pakaian pandu yang begitu rupa adalah melambangkan kebesaran dan kekuasaannya di dalam persembahan itu. Dengan itu pandu adalah berperanan, orang yang memberi arahan atau menguasai keseluruhan pergerakan pemain-pemain yang lain. Hanya dengan menggunakan isyarat pedangnya ia dapat menukar sesebuah rentak lagu dan tarian itu. Selain daripada itu pandu juga turut menari bersama-sama di dalam persembahan tersebut.

WATAK LUCU

a) Pakaian

Pakaian bagi watak lucu ini tidak kemas, melambangkan seorang kaya, kuat berpoya-poya, kuat minum arak dan sentiasa di kelilingi oleh wanita cantik. Seperti penari-penari yang lain, watak ini memakai seluar dan kasut hitam.

Baju hitam yang dipakainya adalah sangat besar dan labuh. Lengan baju adalah lebih panjang daripada ukuran tangan pemakainya. Kadang-kadang di luarnya dipakaikan dengan 'vest' yang berwarna merah dengan berambu kuning seperti penari-penari lain. Bagi memperlihatkan lagi watak ini dengan kelucuannya, ia menaruh sebuah bantal di dalam baju di bahagian depan perutnya. Ini memperlihatkan perut watak lucu ini adalah membuncit dan diletakkan pula kain bulat merak di atas tempat yang membuncit tadi.

b) Peranan

Watak lucu ini adalah orang yang menghiburkan para penonton dengan gaya dan tingkah lakunya yang mencuit hati. Kadang kala watak lucu ini menari terkeluar bebas daripada gerak dan barisan penari-penari yang lain. Dengan kebebasan yang seperti ini ia dapat menonjolkan wataknya yang lucu itu.

WANITA / PEREMPUAN

a) Pakaian

Ia memperlihatkan ciri-ciri keperempuanannya dengan memakai gaun labuh. Walau bagaimanapun ia memakai kasut lelaki untuk menyenangkan pergerakan dalam masa tarian diadakan. Oleh kerana ianya seorang lelaki,

maka ia memakai rambut palsu untuk kelihatan seperti wajah seorang wanita.

b) Peranan

Watak perempuan boleh dikatakan sebagai "sri panggung" di dalam persembahan ini. Pasangan kepada watak ini adalah watak lucu tadi yang sentiasa ingin menari dengannya. Watak ini harus pandai menari bersama-sama dengan watak yang lain di samping tahu menggayakan kelakuan seorang wanita.

PENARI DAN PEMAIN MUZIK

a) Pakaian

Mereka ini memakai pakaian seperti orang Arab, berbaju lengan panjang warna putih dan memakai 'vest' merah atau hitam berenda rambu kuning. Di kepala mereka dipakaikan serban putih dengan egal yang berwarna hitam atau memakai lebai merah. Ini adalah satu daripada ciri penting dari segi pakaian bagi memperlihatkan seperti orang Arab.

b) Peranan

Penari-penari hamdolok ini adalah termasuk mereka yang bermain alat-alat muzik. Cuma sebilangan kecil sahaja daripada penari-penari ini yang tidak bermain alat-alat muzik. Di samping menari dan bermain muzik mereka adalah tertakluk kepada arahan yang diberikan oleh pandu.

HIASAN MUKA

Hiasan muka juga adalah menjadi aspek penting dalam seni lakonan ini bagi menunjukkan sifat sesuatu watak. Watak pandu dihias mukanya dengan menaruh misai yang tebal supaya ia nampak lebih garang, sejajar dengan wajah seorang jeneral. Bagi rupa yang lucu, muka watak lucu dihitamkan sebelah dan sebelah lagi warna putih.

Rambutnya pun diwarnakan putih. Bagi watak perempuan ianya dihiasi dengan alat-alat solek seperti bedak, gincu bibir, 'eye-shadow' dan sebagainya. Penari-penari yang lain diberikan warna muka yang gelap. Ini bertujuan memberi persamaan warna gelap kulit orang-orang Badwi. Selain daripada itu muka penari-penari ini juga diconteng-conteng.



Watak lucu serta watak wanita

Untuk mendapatkan warna kulit yang hitam atau gelap kumpulan hamdolok ini menggunakan serbuk kayu arang getah. Serbuk ini dicampur pula dengan minyak kelapa supaya ia tidak tanggal semasa mereka membuat persembahan. Warna putih pula mereka menggunakan tepung tawar atau bedak.

MUZIK

Muzik memainkan peranan penting di dalam seni hamdolok ini sebagai menunjukkan rentak sebarang lagu yang dipersembahkan. Alat-alat muzik ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu :-

*** Alat yang dipetik**

- i) Gambus

*** Alat yang digoncang / ketuk**

- i) Tamborin
- ii) Marakas

*** Alat yang dipukul**

- i) Maruas
- ii) Dol atau Konga Drum

Gambus ialah alat bertali yang digunakan. Kumpulan hamdolok ini mempunyai dua jenis gambus yang boleh mengiringi permainan. Pertama gambus besar seperti yang digunakan di dalam persembahan ghazal atau lebih dikenali dengan nama gambus Arab, kedua gambus Melayu. Gambus Melayu ini adalah lebih kecil daripada gambus Arab. Oleh sebab ianya lebih kecil dan senang dibawa ke mana-mana maka gambus Melayu sahaja yang sering dipakai oleh kumpulan ini.

Gambus Melayu ini diperbuat daripada kayu batang nangka, cempedak atau pulai. Bahagian perutnya dilekatkan dengan kulit kambing dan gambus ini menggunakan tali tangsi (tali nylon) sebanyak 7 utas.

Marakas atau rumba digunakan sepasang dalam permainan hamdolok ini. Kedua-duanya mempunyai bunyi yang berlainan. Ianya diperbuat daripada tempurung yang telah dikilatkan. Untuk menghasilkan bunyi yang berbeza, penabur di dalamnya ditaruh dalam bentuk saiz yang berbeza besarnya.



Watak utama dalam Persembahan Hamdolok



Keseluruhan ahli-ahli kumpulan Hamdolok


Tamborin juga digulungkan ke dalam alat-alat paluan selain daripada digoncang untuk menghasilkan bunyi. Ianya diperbuat daripada lingkaran logam. Pada lingkaran tadi terdapat lapan pasang piring kecil untuk menghasilkan bunyi gemersik.

Marakas yang digunakan oleh kumpulan ini sebanyak empat buah, dua daripadanya adalah berlainan besarnya. Ianya merupakan gendang kecil yang mempunyai dua permukaan. Marakas ini diperbuat daripada kayu batang pulai, yang dikorek kemudian kedua-dua permukaan lubang tadi ditutupi dengan kulit kambing. Kulit kambing tadi disirat di keliling kayu supaya tegang. Untuk mencantikkan lagi, marakas ini dicat dengan warna merah hitam membentuk corak 'pucuk rebung'.

Dol dan Konga Drum merupakan gendang panjang dibuat daripada sebatang kayu nangka, sena merbau atau durian. Dol ini ditebuk mempunyai dua permukaan yang berlainan saiz. Ianya dilekatkan dengan kulit lembu di satu permukaan yang besar sahaja. Kulit lembu ini diikat kepada lingkaran khas yang dibuat daripada logam. Dalam kumpulan ini mereka menggunakan sebanyak tiga buah dol yang berlainan ukurannya tiap-tiap satu. Dol ini sejenis alat yang berat dan panjang, ianya disandang di bahagian depan badan ketika dimainkan. Dengan cara ini dol lebih mudah dibawa bergerak ketika pemain ini ikut menari.



Alat-alat muzik termasuk pedang yang digunakan dalam persembahan Hamdolok



Alat-alat muzik termasuk pedang

1. Gampus Melayu
2. Dol (Konga Drum)
3. Tamborin
4. Dol
5. Pedang Pandu
6. Dol
7. Maruas
8. Maruas
9. Marakas
10. Maruas
11. Maruas

UPACARA SEBELUM PERSEMBAHAN

Ahli kumpulan ini membuat persembahan mereka di khalayak ramai seperti di majlis perkahwinan, khatam dan sebagainya. Pada masa ini hamdolok bukan sahaja dipersembahkan di malam hari. Oleh kerana mereka membuat persembahan di khalayak ramai terdapatlah ahli-ahli yang merasa malu, tidak yakin kepada diri sendiri, bak kata lain 'darah gemuruh'.

Ketua kumpulan hamdolok di sini berperanan mengatasi masalah dengan bersiap sedia terlebih dahulu. Air yang telah dijampi diberikan kepada ahli-ahli yang merasakan perasaan yang demikian ini.

Bagi mengekalkan suara supaya tidak berubah menjadi serak ketika menyanyi mereka juga mengamalkan beberapa petua. Penyanyi ini mengamalkan meminum air selasih, air tebu cina atau air asam limau pekat. Kesemua jenis air ini diminum tanpa campuran gula.

Antara perkara lain yang sangat perlu diawasi oleh ketua kumpulan hamdolok ini ialah menjaga keselamatan ahli kumpulannya, di samping memastikan kelicinan perjalanan persembahan. Ia akan berusaha mengelakkan daripada berlakunya peristiwa-peristiwa ganjil ketika bermain dan selepas bermain. Ketua merek a mesti menggunakan 'ilmu pendinding' di tempat persembahan yang dianggap 'keras' dan juga menjauhi 'perbuatan' makhluk-makhluk lain.

PERSEMBAHAN HAMDOLOK

Dalam sesuatu persembahan hamdolok mempunyai beberapa peringkat atau tingkat yang tertentu. Pada tiap peringkat ini ada terdapat perubahan atau perbezaan dalam persembahan. Sekurang-kurangnya ada tujuh peringkat lakonan yang dilakonan semasa sesuatu persembahan.

Persembahan Hamdolok boleh dibuat di atas pentas atau di tanah yang lapang. Jika kumpulan ini mengarak pengantin, orang besar, sultan dan sebarang perarakan lain ianya dipersembahkan di tanah lapang sahaja. Bagi tujuan yang sama persembahan hamdolok hanya dihadkan kepada peringkat persembahan yang kedua sahaja, apabila telah sampai ke tempat yang dituju.

Jika permainan dilakukan di pentas khas, persembahan boleh diubahsuaikan dengan keadaan. Persembahan tidak dilakukan kesemuanya di atas pentas, peringkat pertama persembahan dilakukan kira-kira beberapa meter dari luar pentas tersebut. Kemudian ianya disambung dengan persembahan peringkat ketiga hingga ke akhinya di atas pentas.

Bagi persembahan di tanah lapang pula, Setelah sampai ke tempat yang ditujui pasukan kompong yang mengarak sama akan memberhentikan permainan, Setelah itu, kumpulan hamdolok meneruskan persembahan ke peringkat yang ketiga hinggalah selesai.

Bagi memudahkan, berikut diterangkan petunjuk kedudukan permainan dalam bentuk gambarajah II hingga IV.

Petunjuk Tanda	Pemain-pemain
A	Pandu
B	Watak Wanita
C	Watak Pelawak
D	Pemain Gambus (Khalifah)

E	Pemain Dol
F	Pemain Maruas
G	Pemain Marakas
H	Pemain Tamborin
I	Penari-penari


PERINGKAT PERSEMBAHAN HAMDOLOK

Peringkat Satu (Persediaan)

Di peringkat ini penari-penari dibahagikan kepada dua barisan lurus. Berdiri di tengah bahagian depan ialah pandu yang berfungsi sebagai pengarah. Di belakangnya berdiri watak pelawak dan wanita. Di tengah-tengah bahagian belakang berdiri pemain gambus selaku Khalifah. Dalam dua barisan lurus tadi berdiri di depan ialah penari biasa, diikuti pemain tamborin, maruas dan marakas.

Gambaran kedudukan pemain-pemain seperti di dalam gambaran II.

Gambaran II



Kedudukan pemain-pemain pada peringkat Persediaan dan arah pergerakan (peringkat pertama dan kedua)

Sekiranya kumpulan ini mengarak pengantin, pengantin tersebut berada di belakang kumpulan ini diikuti oleh kumpulan kompang di belakangnya.

Peringkat Kedua (Bergerak)

Apabila kesemuanya telah sedia dalam barisan pandu akan menjulang pedangnya sebagai tanda permainan dimulakan. Dengan suara yang lantang ia melaungkan salawat ke atas Nabi sebanyak tiga kali.



Peringkat di mana mereka telah pun bersedia untuk memulakan persembahan

Allahu masalliala saidina Muhammad (tiga kali)

Laungan ini kemudiannya disambut kuat serentak oleh ahli-ahli yang lain. Khalifah (pemain gambus) pun memulakan pelikan gambusnya. kemudian diikuti oleh pemain-pemain yang lain.

Penari-penari di bahagian hadapan pun mulai bergerak, menyanyi sambil bertepuk tangan. Lagu yang dibawakan adalah yang telah ditetapkan, semakin lama semakin rancak bagi menunjukkan satu suasana yang gembira.




Keseluruhan pemain-pemain menuju ke tempat persembahan

Peringkat Ketiga (Bulatan)

Apabila telah sampai ke tempat yang dituju mereka membentuk satu bulatan besar. Di tengah-tengah bulatan ini watak lucu dan watak wanita menari. Pandu dan pemain muzik lain berada di barisan bulatan memainkan alat-alat muzik, sementara penari-penari hanya bertepuk tangan seperti diterangkan dalam gambarajah III.


Gambarajah III



Kedudukan dan pergerakan pemain-pemain dalam bentuk satu bulatan, walak pelawak dan wanita menari di tengah-tengah bulatan (peringkat ketiga dan kelima).

Setelah kira-kira tiga minit pandu menjulangkan pedangnya mengarahkan ahli-ahli yang lain meneruskan tarian mereka. Setelah menari tiga pusingan Secara "*anti clock wise*" mereka mengubah pergerakan dengan membuat dua lapis bulatan. Watak lucu dan wanita tetap menari di tengah-tengah bulatan. Lapisan bulatan di luar bergerak secara "*anti clock wise*" dan bulatan kecil di dalam secara "*clock wise*" seperti dalam gambarajah IV. Kemudian lapisan di luar akan bertukar ke lapisan di dalam dan begitu juga corak pusingan berubah sebaliknya.

Gambarajah IV



Kedudukan dan arah pergerakan pemain-pemain dalam bentuk bulatan dua lapis (Peringkat Ketiga)


Peringkat Keempat (dua bulatan bujur)

Setelah mendapat arahan, penari dan pemain muzik membuat dua bulatan bujur. Watak lucu dan wanita berada di dalam dua bulatan yang berasingan. Pemain muzik memainkan lagu dan penari bertepuk tangan. Watak lucu cuba melepaskan diri dari dihalang untuk pergi ke bulatan yang satu lagi untuk menari bersama dengan watak perempuan tadi.

Peringkat ke lima

Kemudian, daripada peringkat keempat tadi penari dan pemain muzik membentuk semula satu bulatan dua lapis, seperti persembahan peringkat ketiga, sama seperti dalam gambarajah V. Watak lucu dan wanita sentiasa menari di tengah-tengah bulatan.

Gambarajah V




Kedudukan dua arah pergerakan dalam bentuk dua bulatan bujur
(peringkat keempat)

Peringkat Keenam

Pandu memberikan arahannya, kesemua ahli berhenti bermain. Kesemua ahli yang membuat bulatan kemudiannya duduk bertinggang kecuali watak lucu dan wanita berdiri di tengah-tengah. Pandu sekali lagi memberi arahan bermain semula. Muzik pada kali ini adalah berentak zapin di mana lebih mengutamakan gerakan kaki. Buat permulaan hanya watak lucu dan wanita sahaja yang menari. Kemudian barulah penari dua tiga pasangan menari bersama dalam dua barisan lurus, mengadap masing-masing seperti dalam gambarajah VI.

Gambarajah VI



Persembahan peringat ketiga, watak lucu dan wanita sedang menari

Tarian dibuat secara serentak. Tarian bergerak menapak tiga langkah ke belakang dan tiga langkah ke hadapan. Setelah beberapa lama menari, pandu memberikan, muzik semakin memuncak. Tarian ditamatkan dengan penari-penari bersedia untuk bertahim.



Watak wanita senang menari di tengah-tengah bulatan



Watak lucu serta wanita-wanita menari mana kala pemain-pemain yang duduk bertingging sambil memainkan alat muzik dan bertepuk tangan.

Peringkat Ketujuh (Penutup)

Kumpulan hamdolok membentuk dua barisan lurus melintang, menghadapi para penonton. Berdiri di hadapan sekali ialah pandu, di barisan depan ialah penari-penari termasuk watak lucu dan wanita. Berdiri di barisan belakang ialah pemain-pemain muzik. Pemain-pemain muzik pada ketika ini bermain dengan nada yang semakin menurun.

Tamat sahaja muzik dimainkan, pandu akan memberikan ucapan selamat misalnya 'Selamat Raja Sehari' kemudian ia disambut oleh ahli-ahli yang lain dengan ucapan 'Selamat' sebanyak tiga kali. Dengan itu persembahan tamat, semua ahli kumpulan hamdolok menundukkan kepala memberi hormat.



Peringkat terakhir membentuk satu barisan sambil menyanyi mengucapkan "selamat".

SENKATA LAGU

Senikata lagu dalam persembahan hamdolok ini dicipta sendiri oleh ahli-ahli atau pengarahnya. Ianya diubahsuaikan dengan keadaan, mengarak pengantin seperti berikut :

*Masadeka ma la ketomey
Kita bermain bersukaria
Kita bermain bersukaria
Kerana menyambut orang yang mulia*

*Alhamdulillah puji laksana
Berkat Nabi Wali Saidina
Selamat sejahtera kita semua
Jauhkan Allah bala bencana*

*Masadeka ma la ketomey
Kita bermain bersuka hati
Masadeka ma la ketomey
Kerana menyambut raja Sehari*

Senikata di atas dinyanyikan berulang-ulang lagi. Bagi tiap-tiap rangkap di atas disambut pula oleh ahli-ahli yang lain beramai-ramai.

*Hamdolok, hewah, hewah
Hamdolok, hewah, hewah
Hewah, hewah, hewah.*

Jika nyanyian ini hendak diberhentikan, mereka akan menambah serangkap lagi lagu seperti :

*Masadeka ma la ketomey
Mohonlah kami mahu berhenti*

SENIKATA LAGU TARIAN ZAPIN

Senikata tarian zapin ini dicipta juga sendiri. Senikata lagu ini sering dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan, ianya adalah seperti berikut :

*Sayang kenanga di hujung dahan
Kembang berseri di dalam taman
Selamat pengantin kami ucapkan
Kekal abadi di akhir zaman*

*Burung jelatik terbanglah di awan
Hinggaplah mari di dahan yang rendah
Sama cantik samalah padan
Samalah tinggi samalah rendah*


*Harum kenanga semerbak mewangi
Kembunglah berseri di pagilah hari
Kami berdoa ke hudrat Ilahi
Dipanjangkan umur dimudahkan rezeki.*

Jawapan beramai-ramai bagi tiap-tiap rangkap

*Ya Salam! Ya Salam
Ya Salam! Ya Salam*

PENUTUP

Hamdolok, satu kesenian rakyat yang hingga kini masih tidak mendapat pendedahan umum secara meluas apa lagi dihayati dan dipusakai oleh generasi yang akan datang. Di antara sebab keluputannya ialah ramai di kalangan ahli - ahlinya yang telah berhijrah ke tempat yang lain serta kurangnya pihak penganjur yang menganjurkan persembahan ini. Adalah menjadi harapan kita hamdolok ini akan terus dapat hidup hingga kepada anak cucu kita yang akan datang.



Persembahan Hamdolok di Festival Kesenian Tradisional Malaysia 2002

Diterbitkan oleh:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. 2003